

# **POLISI**

## **E-PORTFOLIO PENGAJARAN STAF AKADEMIK (UUM ePORTFOLIO)**

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Universiti Utara Malaysia (UUM) adalah komited dalam menyediakan program pendidikan peringkat tinggi yang berkualiti, inovatif, dan relevan dengan keperluan semasa dan seiring dengan dasar pendidikan tinggi negara.
- 1.2 UUM memberikan penumpuan yang besar terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), di samping penyelidikan dan perundingan.
- 1.3 Antara komponen yang penting dalam proses PdP bagi melengkapkan pelajar dengan kemahiran dan ciri peribadi yang unggul ialah penggunaan kaedah PdP yang sesuai, efektif, dan terancang seiring dengan visi dan misi Universiti.



Portfolio Pengajaran merupakan satu koleksi dan kompilasi bahan-bahan yang digunakan sebagai pengajaran yang dibuat secara teratur dan sistematik. Ia mengandungi koleksi dokumen dan keterangan tentang peranan dan tanggungjawab seorang staf akademik, sumbangan serta pencapaian yang menonjolkan kualiti dan skop pengajaran. Portfolio Pengajaran juga bertindak sebagai bukti kepada pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh seorang staf akademik dalam penambahbaikan PdP, penyelidikan mahupun perkhidmatan.



e-Portfolio Pengajaran adalah portfolio pengajaran elektronik yang menggunakan teknologi digital yang membolehkan staf akademik mengumpul serta menyusun artifak portfolio dengan menggunakan pelbagai kaedah media seperti teks, audio, video, grafik, dan lain-lain.

## 2. SKOP

- 2.1 Polisi e-Portfolio Pengajaran ini disediakan sebagai panduan bagi staf akademik di UUM dalam membangunkan portfolio pengajaran secara elektronik.
- 2.2 Polisi ini meliputi enam (6) aspek utama, iaitu:
  - a. Falsafah, matlamat, dan strategi berkaitan e-Portfolio Pengajaran
  - b. Pemegang autoriti
  - c. Infrastruktur dan platform e-Portfolio Pengajaran
  - d. Garis panduan penyediaan e-Portfolio Pengajaran
  - e. Kaedah pemantauan dan pengesahan
  - f. Perkaitan e-Portfolio Pengajaran dengan markah prestasi staf akademik

### 3. DEFINISI

#### 3.1 **Universiti**

Universiti merujuk kepada Universiti Utara Malaysia

#### 3.2 **Staf Akademik**

Staf Akademik merujuk kepada staf Universiti yang dilantik secara tetap, kontrak, atau sambilan ke jawatan Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, atau Guru Bahasa/Katering.

#### 3.3 **Pelajar**

Pelajar ialah mereka yang telah menyempurnakan pendaftaran kursus akademik setiap semester bagi mengikuti program pengajian Universiti.

#### 3.4 **Portfolio Pengajaran**

Portfolio Pengajaran adalah satu set dokumen reflektif, integratif, dan peribadi yang disediakan secara berterusan untuk menunjukkan perkembangan dan kemajuan seseorang pendidik atau ahli akademik. Ia mempamerkan artifak yang mewakili pencapaian dalam melaksanakan aktiviti pengajaran, penyelidikan, dan penglibatan dalam komuniti bagi menonjolkan perkembangan profesional seseorang pendidik.

#### 3.5 **e-Portfolio Pengajaran**

e-Portfolio Pengajaran merujuk kepada portfolio pengajaran secara elektronik yang menggunakan teknologi digital yang membolehkan staf akademik mengumpul serta menyusun artifak portfolio secara berterusan dengan menggunakan pelbagai kaedah media seperti teks, audio, video, grafik, dan lain-lain.

#### 3.6 **Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)**

Kaedah PdP merujuk kepada pendekatan, amalan, dan aktiviti di dalam atau di luar kelas yang berkaitan dengan sesuatu kursus dan/atau program. Ia merangkumi pendekatan umum seperti pembelajaran berpusatkan pelajar, pembelajaran aktif, mod pengajaran dan aktiviti pembelajaran yang bermakna. Kaedah PdP juga termasuk aktiviti memberi bimbingan dan penyeliaan kepada pelajar di luar kelas dan lain-lain aktiviti berkaitan dengan pengendalian kurikulum program akademik.

#### 3.7 **Pentaksiran Pembelajaran**

Pentaksiran pembelajaran ialah suatu aktiviti atau proses pengumpulan dan interpretasi maklumat bersepadu berkaitan dengan pencapaian pelajar dan hasil pembelajaran. Aktiviti atau proses ini dilaksanakan menggunakan pelbagai kaedah dan instrumen. Maklumat yang diperolehi akan digunakan untuk pelbagai tujuan penilaian formatif dan sumatif berkaitan pembelajaran. Pentaksiran pembelajaran melibatkan semua komponen penyediaan ujian, kaedah pengukuran dan tatacara penilaian yang merujuk kepada pernyataan hasil pembelajaran.

#### 3.8 **Penilaian Pengajaran Pensyarah**

Penilaian pengajaran pensyarah adalah suatu proses penilaian yang dibuat oleh pelajar untuk menentukan kualiti dan keberkesanan pengajaran seseorang pensyarah. Penilaian ini mesti dibuat ke atas setiap pengajaran seseorang pensyarah (melainkan apa yang dikecualikan oleh Universiti) pada setiap semester menggunakan kaedah yang ditetapkan oleh Universiti.

### 3.9 Kesarjanaan dalam PdP dan Penyeriaan

Kesarjanaan meliputi amalan pengajaran dan pembelajaran, penilaian, penyeriaan, perkongsian ilmu, dan pengiktirafan di pelbagai peringkat (universiti/kebangsaan/antarabangsa). Aspek lain seperti pengiktirafan yang diperolehi serta kepimpinan dalam komuniti akademik yang berkaitan dengan PdP juga diambil kira.

### 3.10 Kursus

Kursus bermaksud kursus pengajian yang diluluskan oleh Universiti sebagai sebahagian daripada program akademik


## 4. FALSAFAH, PRINSIP, DAN NILAI BERKAITAN e-PORTFOLIO PENGAJARAN

4.1 e-Portfolio Pengajaran adalah alat yang boleh digunakan untuk mengukur kesarjanaan seseorang staf akademik berdasarkan bukti aktiviti, pencapaian dan kepuasan kerja.



## 5. MATLAMAT

5.1 Tujuan e-Portfolio Pengajaran adalah untuk menunjukkan bukti akauntabiliti pengajaran dan kecemerlangan pengajaran dalam bentuk dokumen dan bukti yang berkaitan dengan PdP. e-Portfolio Pengajaran terdiri daripada koleksi dan penerangan mengenai kekuatan dan prestasi pengajaran staf akademik untuk menunjukkan skop kualiti pencapaian dan keberkesanan pengajaran.



- 5.3 Oleh itu, matlamat utama penyediaan e-Portfolio Pengajaran adalah bagi tujuan berikut:
- a. Sebagai koleksi, kompilasi dan sumber bukti mengenai aktiviti PdP dan pencapaiannya
  - b. Sebagai repositori berkaitan amalan kesarjanaan dan pencapaian dalam PdP
  - c. Sebagai dokumen untuk menunjukkan kepelbagaian dan inovasi dalam aktiviti PdP
  - d. Peluang untuk staf akademik melakukan refleksi dan menilai sendiri pengajarannya sebagai kaedah memperbaiki amalan PdP secara berterusan untuk peningkatan sendiri
  - e. Sebagai sumber maklumat mengenai pencapaian dalam PdP untuk pertukaran idea dan berkongsi amalan terbaik serta pengetahuan terkini dengan rakan sekerja, penyelia dan lain-lain;
  - f. Sebagai peluang untuk memupuk budaya kecemerlangan pengajaran dalam kalangan staf akademik.

# 6 STRATEGI UNTUK MENCAPAI MATLAMAT

1. Untuk memastikan tujuan polisi ini direalisasikan di UUM, beberapa sasaran dan insentif telah dikenalpasti, iaitu:
  - i. Meletakkan indikator sasaran (PI) dalam Pelan Strategik Universiti Teras 1 bagi setiap Pusat Pengajian mempunyai e-Portfolio Pengajaran.
  - ii. Pemberian markah komponen pengajaran (Kualiti) dalam Penilaian Prestasi Tahunan bagi staf akademik yang mempunyai Portfolio Pengajaran berdasarkan gred jawatan.
2. Di samping itu, maklumat e-Portfolio Pengajaran ini juga boleh digunakan untuk penyediaan portfolio pengajaran bagi penyertaan staf akademik sebagai calon Anugerah Pendidik Cemerlang atau Distinguished Teacher Award (DTA).

# PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEMEGANG TARUH

## 7.1 Dekan atau Ketua Pusat Tanggungjawab

- i. Merancang dan memastikan staf akademik mengikuti program latihan berkaitan PdP bersama-sama dengan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran Universiti (UTLC).
- ii. Memastikan staf akademik mempunyai e-Portfolio Pengajaran bagi mencapai PI yang ditetapkan oleh Universiti.
- iii. Menyemak dan mengesahkan e-Portfolio Pengajaran yang dibangunkan oleh staf akademik untuk pelaporan PI Pelan Strategik Universiti pada setiap sukuan.
- iv. Proses pemantauan dan pengesahan e-Portfolio Pengajaran yang dibangunkan oleh staf akademik hendaklah dibuat oleh Dekan atau Ketua Pusat Tanggungjawab secara atas talian melalui sistem Portal.
- v. Hanya e-Portfolio Pengajaran yang dikemaskini dan disahkan oleh Dekan atau Ketua Pusat Tanggungjawab akan diambil kira untuk pencapaian PI Pelan Strategik Universiti (real time data) dan pemberian markah prestasi tahunan staf akademik.

## 7.2 Staf Akademik

- i. Bertanggungjawab memberi khidmat PdP dan penyeliaan yang berkualiti yang boleh membantu perkembangan pelajar ke aras kecemerlangan akademik dan pembentukan sahsiah serta peribadi yang positif.
- ii. Membangunkan e-Portfolio Pengajaran masing-masing menggunakan platform yang disediakan oleh Universiti.
- iii. Sentiasa mengemaskini kandungan di dalam e-Portfolio Pengajaran pada setiap semester pengajaran.

## 7.3 UUM Information Technology (UUMIT)

- i. Menyedia dan menyelenggara platform yang bersesuaian untuk e-Portfolio Pengajaran staf akademik.
- ii. Menyediakan khidmat nasihat dan panduan penggunaan platform.
- iii. Bertanggungjawab terhadap keselamatan data dan maklumat peribadi pengguna platform atau aplikasi yang disediakan.
- iv. Memastikan sistem UUM e-Portfolio dapat menyediakan data/laporan kemajuan e-Portfolio Pengajaran secara berkala untuk keperluan universiti.

## 7.4 Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)

- i. Bertanggungjawab merancang dan menyediakan program latihan yang bersesuaian kepada staf akademik Universiti berkaitan PdP.

## 7.5 Jabatan Pendaftaran

- i. Bertanggungjawab memastikan sistem penilaian prestasi bagi paparan maklumat dan pengiraan markah e-Portfolio Pengajaran adalah betul dan tepat.

## 7.6 Institut Pengurusan Kualiti (IPQ)

- i. Bertanggungjawab melaporkan prestasi PI e-Portfolio Pengajaran setiap pusat pengajian.

## 8. PERLAKSANAAN

### 8.1 Infrastruktur Dan Platform

- i. Universiti komited dalam menyediakan dan menaiktaraf infrastruktur selaras dengan perkembangan amalan pendidikan tinggi terkini.
- ii. Universiti telah menyediakan platform yang bersesuaian bagi staf akademik membangunkan e-Portfolio Pengajaran yang boleh diakses melalui portal masing-masing.
- iii. Melalui platform ini, pengguna dapat membangunkan (create), berkongsi (share) dan berinteraksi dengan komuniti akademik (engage) bagi menyuburkan budaya kecemerlangan dalam PdP.

### 8.1 Garis Panduan Penyediaan e-Portfolio Pengajaran

- i. Garis panduan mengenai penyediaan e-Portfolio Pengajaran dijelaskan dalam Panduan Penyediaan e-Portfolio Pengajaran (rujuk Lampiran A)
- ii. Tatacara atau manual penggunaan sistem UUM ePortfolio seperti dijelaskan dalam UUM ePortfolio Guideline (rujuk Lampiran B)

## 9. PENILAIAN PRESTASI STAF AKADEMIK BAGI KOMPONEN PENGAJARAN (KUALITI)

- 9.1 Penilaian prestasi bagi komponen pengajaran (kualiti) dinilai berdasarkan gred jawatan seperti berikut:

Bil	Jenis Borang	Teaching Portfolio /AOL
1	Pensyarah	4
2	Pensyarah Kanan/Pensyarah Tamat Cuti Belajar/Pensyarah Diunjur Sambung Pengajian / Pensyarah Melanjutkan Pengajian Secara Sambilan	3
3	Profesor Madya	1.5
4	Profesor	1
5	Pensyarah Kontrak	5
6	Guru Bahasa	6
7	Penjawat Jawatan II	1.5

- 9.2 Penilaian ini adalah berdasarkan setiap subjek yang diajar bagi setiap semester.

## 10. **DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN**

8.1 Laporan Minit Mesyuarat Senat Ke-296 Bil.4/2021

## 11. **SEMAKAN SEMULA POLISI**

Polisi e-Portfolio Pengajaran ini berkuatkuasa mulai Jun 2021 dan semakan semula polisi ini bergantung kepada keperluan dari semasa ke semasa.

Disediakan oleh: Jawatankuasa Khas Penyediaan Polisi e-Portfolio Pengajaran

Disokong oleh: Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Disahkan oleh: Senat Universiti Utara Malaysia

Tarikh disahkan: **3 Jun 2021**